

Malaysia tidak akan perkenal halangan bukan tarif automobil

KUALA LUMPUR 6 Mei — Malaysia tidak akan memperkenalkan halangan bukan tarif bagi industri automobil negara apabila tiba masa untuk negara membuka pasaran sektor tersebut di bawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2005.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyangkal andaian bahawa sekatan perdagangan seumpamanya akan diperkenalkan oleh kerajaan bagi melindungi industri tempatan.

"Ia hanya cakap-cakap orang. Kita tidak terfikir pun tentang itu," katanya kepada pemberita selepas merasmi-

kan Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-35 Majlis Ekonomi Lembanean Pasifik (PBEC) di sini, hari ini.

Beliau ditanya kenapa Malaysia tidak menurunkan duti import sektor automotif secara berperingkat-peringkat ~~biarpun tempoh akhir~~ berkuatkuasa hanya tinggal dua tahun lagi.

Menjawab pertanyaan itu, Dr. Mahathir berkata, industri automatif negara seharusnya sudah lebih cekap dan kos efektif bagi bersaing dengan pembuat kereta lain pada tahun 2005.

Malaysia diberi tempoh dua tahun untuk memberikan komitmen menurunkan duti dan tarif di bawah AFTA

yang akan dikuatkuasakan mulai 2003.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedar bahawa terdapat kelemahan di dalam perjanjian tersebut yang perlu diperbaiki.

Menurut beliau, kereta nasional misalnya akan kurang berdaya saing kerana ia mempunyai 90 peratus komponen tempatan berbanding 40 peratus yang digariskan di bawah AFTA.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tetap komited untuk mematuhi perjanjian di bawah AFTA termasuk dasar 40 peratus kandungan tempatan yang telah dipersetujui.